

UB872 DEL'

MAHATHIR-PAS

1984

SHAH ALAM, 3 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA DESAKAN PAS SUPAYA UMNO MENGGANTIKAN PERLEMBAGAAN SEKARANG DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAM BUKAN KERANA HENDAK MENEGAKKAN ISLAM DI NEGARA INI TETAPI UNTUK MENGHILANGKAN SOKONCAN KAUM LAIN TERHADAP UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA UMNO BERSETUJUDENGAN DESAKAN ITU, SUDAHTENTULAH TIMBUL TUDUHAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK ADIL KEPADA KAUM LAIN DAN DENGAN ITUSEGALA PARTI YANG BERGABUNG OENGANNYA AKAN MENINGGALKAN BARISAN NASIONAL.

+MEREKA MENUDUH UMNO BUKAN ISLAM BUKAN KERANA MEREKA TIDAK TAHU UMNOLAH YANG MELINDUNGI ISLAM TETAPI CUMA UNTUK MENENTUKAN UMNO

SEBAGAI BUKATKAUMI ATNDAN PAS YANG MENDAPAT KEMENANGAN,+

DITOLAK OLEH RASMI...  
TAMBAHNYA KETIKABERUCAP KEPADA 5,000 ORANG YANG BERKUMPUL DI BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN SHAH UNTUK MENYAMBUUTNYASEMPENA LAWATAN RASMINYA SELAMA DUA HARI KE SELANGOR.

BELIAU MENUDUH PAS SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG TIDAK BERPRINSIP KERANA PARTI PEMBANGKANG ITU YANG MELAUNG-LAUNGKAN KONONNYA ISLAM YANG SEBENARNYA JUGA INGIN MENDAPATKAN UNDL ORANG BUKAN MELAYU.

+SEBAGAI SATU CONTOH IALAH SAYAKALAH BERTANDING BAGI KERUSI PARLIMEN KOTA SETAR SELATAN PADA TAHUN 1969 KERANA PAS BERJAYA MENDAPAT UNDI ORANG BUKAN MELAYU DENGAN MEMBUAT TUDUHANKONONNYA SAYA INI TERLALU MELAYU DAN CUMA MENJAGA KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN ISLAM.+

DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BARISAN NASIONAL AKAN MENERUSKAN PERJUANGANNYA SEKAAANG MEMANDANGKAN IA SECOCOK DENGAN ISLAM.

+OLEH DEMIKIAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA KITA PERLU TEKAN ORANG BUKAN ISLAM DENGAN UNOANG-UNDANG YANG TIDAK OISURUH OLEH ISLAM. KITA HARUS BERLAKU ADIL KEPAOA SEMUA PIHAK SUPAYA NEGARA AKAN TERUSAMAN DAN SEMUA DAPAT NIKMATKEBAHAGIAAN.+

+NABI MUHAMAD S.A.W. PUN OAHULU SEMASA MENDENDASEPASANG ORANG YAHUDI YANG MELAKUKAN KESALAHAN, BAGINDA MERUJUKI KITAB TAURAT (KITAB YAHUDI) .+

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO AKAN TERUS MENJAMIN KEADILAN BAGI SEMUA KAUM DISAMPING MENENTUKAN SEMUA KEHENOAK ISLAM TIDAK DIKETEPIKAN DAN AGAMA ISLAM DIPERTAHANKAN.

BELIAU KESAL KERANA PAS MENUDUH UMNO KAFIR TETAPI APABILA DITANYA NEGARA MANAKAH YANG ISLAM, MEREKA TIOAK DAPAT MEMBERIKAN JAWAPAN. ---BERNAMA

2111MST 0 3 12 8 4